



LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Insurans Ganti Rugi Profesional – Syarikat Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Ganti Rugi Profesional – Syarikat Pengurusan/Badan Pengurusan Bersama ini. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body-JMB*) telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggara dan Pengurusan) 2007 yang memberikan hak kepada pemilik harta untuk menjaga harta bersama mereka (berkenaan Harta hakmilik strata). Di bawah Akta tersebut, JMB serta ahli jawatankuasa individu kini boleh disaman oleh para pembeli untuk Kemungkiran Kewajipan. Polisi ini direka untuk melindungi liabiliti JMB dan ahli jawatankuasa individu di dalam kapasiti mereka sebagai jawatankuasa JMB.

2. Apakah perlindungan dan faedah yang diberikan?

Insurans ini melindungi JMB dan ahli jawatankuasa individu JMB terhadap tuntutan untuk kerugian atau kerosakan oleh pelanggan atau pihak ketiga, jika mereka telah melakukan kesilapan atau didapati telah cuai di dalam perkhidmatan yang mereka sediakan. Insurans akan melindungi kos dan perbelanjaan yang ditanggung sehingga ke had liabiliti yang ditentukan di dalam Jadual Polisi.

Polisi ini dikeluarkan dengan had liabiliti setiap satu kemalangan dan dalam agregat sepanjang tempoh insurans. Ini adalah polisi membuat tuntutan, yang bermaksud polisi melindungi pemunya polisi apabila sesebuah tuntutan dibuat ketika tempoh perlindungan dan kerugian tidak boleh berlaku sebelum tarikh retroaktif yang dinyatakan pada polisi.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi secara tahunan dengan borang cadangan baru yang lengkap bagi pertimbangan pembaharuan.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium diambil daripada Jumlah Dana Pengurusan X pada kadar yang diguna pakai

Faktor-faktor di bawah ini akan dipertimbangkan apabila menentukan kadar yang diguna pakai

- i) Jawatankuasa JMB itu sendiri (iaitu bilangan ahli, pengalaman)
- ii) Pengalaman Tuntutan terdahulu
- iii) Had Liabiliti
- iv) Keadaan bangunan
- v) Kadar Pungutan

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Cukai Perkhidmatan 5% daripada Premium
- Duti Setem RM10.00 untuk mengesahkan kontrak
- Komisen ejen sebanyak 15% adalah termasuk di dalam polisi anda apabila melibatkan seorang pengantara

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Kepentingan membuat pendedahan - Anda perlu mendedahkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda boleh menjadi tidak sah.

Anda perlu memastikan yang had liabiliti yang diminta adalah mencukupi untuk meliputi pendedahan risiko. Apabila terdapat potensi tuntutan, anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami.

Setiap permohonan mesti dibuat dengan melengkapkan borang cadangan. Ini termasuk insiden-insiden yang diketahui atau dilaporkan, yang boleh meningkatkan tuntutan di bawah polisi ini.

Jaminan Premium – Premium perlu dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya polisi ini/pengelesen/sijil pembaharuan. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan AmG berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Ketidajujuran kakitangan
- Perang, Perang Saudara
- Fitnah bertulis dan fitnah
- Denda, penalti dan ganti rugi yang membebankan
- Keganasan
- Asbestos
- Pencemaran Nuklear, Radioaktif

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium tolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek kami untuk tempoh polisi ini, yang telah berkuat kuasa, tertakluk kepada premium minimum yang akan kami simpan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

*** Jadual Kadar Tempoh Pendek**

<u>Bilangan hari</u>	<u>% daripada Premium (Kadar Tahunan)</u>
15hari :	10%
1 bulan:	20%
2 bulan:	30%
3 bulan:	40%
4 bulan:	50%
5 bulan:	60%
6 bulan:	70%
7 bulan:	75%
8 bulan:	80%
9 bulan:	85%
10 bulan:	90%
11 bulan:	95%
12 bulan:	100%

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmG Insurance Berhad
Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Pusat Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: www.amassurance.com.my

10. Lain-lain perlindungan sejenis yang ada

Sila merujuk kepada cawangan kami yang terdekat dan ejen-ejen untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.